

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 6/1969**

=====

**ARAHAN KANUN TANAH NEGARA
(KADAR CUKAI PIAWAI) 1969**

Oleh sebab pemindahan kepada seksyen 101 Kanun Tanah Negara yang pada awalnya telah dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara, tidak akan dilaksanakan, maka Kerajaan Negeri terpaksa mengambil tindakan di bawah seksyen 102 Kanun Tanah Negara mengenakan Cukai Kadar Piawai (Standard Rate Rent) kepada tanah-tanah milik yang sekarang ini bebas daripada cukai (rent free) dan tanah-tanah milik yang mengandungi syarat nyata dalam hakmiliknya yang cukainya tidak boleh dipinda sebelum cukai tanah-tanah seperti itu boleh dipinda di bawah seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

2. Bersama ini saya sertakan salinan Arahan berkenaan dengan perkara itu yang dihantar kepada Pencetak Kerajaan untuk disiarkan di dalam Warta Kerajaan, untuk pengetahuan tuan.

3. Arahan itu adalah semata-mata muslihat (technicality) undang-undang dan tuan tidaklah dikehendaki membuat apa-apa pindaan kepada cukai-cukai tanah milik seperti itu mengikut Arahan itu. Sebaliknya tuan adalah dikehendaki terus meminda cukai tanah-tanah seperti itu mengikut kadar-kadar cukai pindaan di bawah seksyen 101 yang terkandung dalam Bil. (41) dlm .PTG.SEL 0.223 yang telah dihantar kepada tuan itu. Selepas pindaan di bawah seksyen 101 itu dibuat, tuan adalah dikehendaki membuat catatan (endorsement) di dalam Daftar Hakmilik bagi tanah-tanah seperti itu seperti berikut:-

- (a) Hasil dipinda menurut seksyen 102 Kanun Tanah Negara mulai daripada 1hb Januari 1969 mengikut Arahan S.P.U bil 59 bertarikh
- (b) Hasil dipinda menjadi \$...... menurut seksyen 101 Kanun Tanah Negara mulai daripada 1hb Januari 1970 mengikut Arahan S1 P.U. Bil. 60 bertarikh

4. Tuan adalah dikehendaki menghantar ke pejabat ini satu senarai tanah-tanah itu jika ada di daerah tuan, dengan memberi butir-butir yang penuh – nama tuan tanah, luas tanah, syarat-syarat nyata, kegunaan tanah (jika ada), kelas dan jenis tanah sebagai yang terkandung dalam Daftar Hakmilik.

5. Senarai itu dikehendaki untuk dikemukakan kepada Kerajaan supaya selepas dikira bayaran cukai kadar piawai (dan bayaran tunggakan arrear fee) yang mengikut Arahan itu, berjalan daripada tahun 1969, boleh dimansuhkan di bawah Peraturan Tanah 15.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 721(44)

KUALA LUMPUR
17 HB DISEMBER 1969